

# Majlis Penyerahan Canselor



DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis setelah mendapat perkenan SPB Yang Pertuan Agong telah dilantik sebagai Canselor Pertama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Upacara penyerahan watak perlantikan Canselor telah diadakan di Istana Arau pada 4 November 2003 yang lalu. Majlis yang bersejarah itu turut disaksikan oleh DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah, para pembesar negeri, ketua-ketua jabatan negeri, wakil dari pusat-pusat pengajian tinggi di Perlis dan pegawai-pegawai utama KUKUM.



# Watikah Perlantikan KUKUM

Dalam ucapan Y. Bhg. Rektor pada Majlis tersebut, beliau memaklumkan bahawa jawatan Canselor diwujudkan oleh Perlembagaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, dan dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Menteri. Perlantikan Tuanku Syed Faizuddin sebagai Canselor KUKUM berkuat kuasa mulai 1 September 2003 sehingga 12 Disember 2006 iaitu selama tiga tahun, tiga bulan dan 12 hari.

Sebagai Canselor, Baginda merupakan ketua bagi KUKUM. Baginda akan mempengerusikan Konvokesyen apabila mengahdirinya, dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberi oleh Perlembagaan. Sebagai Canselor, Baginda juga boleh membuat, meminda dan membatalkan mana-mana statut, tertakluk kepada beberapa keperluan lain. Y. Bhg. Rektor turut memaklumkan bahawa Istiadat Perasmian Canselor dijangka diadakan pada Julai 2004.

Tuanku Canselor dalam titah ucapannya melahirkan rasa gembira dengan perlantikan itu dan berharap dapat menyumbang ke arah kemajuan KUKUM di sepanjang tempoh perkhidmatan. Baginda turut menyatakan rasa bangga di atas kemajuan KUKUM sekarang kerana beliau bersama-sama Raja Puan Muda Perlis, sentiasa mengikuti perkembangan KUKUM dari semasa ke semasa.

Tuanku Canselor juga bertitah bahawa beliau mempunyai agenda tersendiri dan yakin ia akan dapat memperkukuhkan kedudukan KUKUM di negara ini dan peringkat antarabangsa. Menurut baginda lagi, sebagai Canselor KUKUM, amanah pertama Baginda ialah menanam sikap kerja berpasukan supaya segala yang dirancang membuahkan hasil.

Di akhir titah ucapan itu, Baginda berharap semua tenaga kerja dan pelajar KUKUM bersama-sama membantu dalam menjayakan misi dan visi untuk menjadikan KUKUM lebih terkenal.



Oleh: Muhammad Najib bin Othman

